



LAWATAN TURUN PADANG YB MENTERI KPKT KE TAPAK PASAR AWAM PASIR PINJI, IPOH, PERAK



Pada 17 Julai 2019, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin telah turun padang bagi Melawat Tapak Pasar Awam Pasir Pinji, Ipoh, Perak. Hadir bersama beliau dalam sesi turun padang itu adalah Exco Kerajaan Perak merangkap ADUN Pasir Pinji, Howard Lee; Datuk Bandar Ipoh, Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim dan Setiausaha Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Mohd Zakuan Zakaria.

Dalam lawatan tersebut, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin mengumumkan peruntukan awal berjumlah RM1 juta bagi konsultasi untuk membina semula Pasar Awam Pasir Pinji daripada kos keseluruhan pembinaan pasar awam tersebut yang dianggarkan RM11 juta.



Beliau turut melahirkan pendapat bahawa pembinaan semula pasar awam tersebut adalah amat wajar dilakukan memandangkan keadaan pasar yang sudah uzur. Malah pembinaan pasar baharu di Pasir Pinji ini akan memudahkan urusan membeli barang, lebih teratur dan bersih.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat